

29 APRIL 2013

Dua sahabat edar ganja dihukum gantung



www.kosmo.com.my

REVI (kanan) dan Hatitan diiring keluar dari Mahkamah Tinggi Alor Setar semalam selepas dijatuhi hukuman gantung kerana mengedar ganja dua tahun lalu.

ALOR SETAR – Dua sahabat dihukum gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah mengedar ganja seberat 18.19 kilogram di Taman Tuanku Haminah, Sungai Petani dekat sini dua tahun lalu.

Pesuruhjaya Kehakiman Mohd. Zaki Abdul Wahab menjatuhkan hukuman itu selepas mendapat keterangan pembelaan T. Revi, 46, dan R. Hatitan, 36, gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengedar dadah tersebut di hadapan kedai Fiber Optik, Concept Store, No. 21, Jalan Tuanku Haminah 1, Taman Tuanku Haminah, pada pukul 9 malam, 6 Mei 2011